



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


11 JULAI 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **271 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **72,313 kes**. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 245 menjadikan jumlah kumulatif 69,351 orang. Seramai 1,911 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 393 orang di hospital, 1,501 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala 17 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 52 orang dan 17 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah direkodkan pada hari ini

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 16 daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Kuning lima (5) daerah
- Zon Hijau dua (2) daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

Jumlah kes positif Covid-19 Sabah pada hari ini ialah **271** kes iaitu peningkatan 20 kes berbanding 251 kes semalam (10 Julai 2021).

ii. Kedudukan berdasarkan daerah dan perbandingan kes Positif COVID-19 semalam**a. Daerah yang mencatatkan peningkatan kes**

11 daerah yang mencatatkan peningkatan kes berbanding semalam (10 Julai 2021) iaitu:

- Beaufort 70 kes, peningkatan (+36) kes
- Keningau 18 kes, peningkatan (+13) kes
- Putatan 19 kes, peningkatan (+11) kes
- Sandakan 17 kes, peningkatan (+10) kes
- Tawau 24 kes, peningkatan (+9) kes
- Penampang 12 kes, peningkatan (+5) kes
- Pitas 14 kes, peningkatan (+3) kes
- Ranau tiga (3) kes, peningkatan (+3) kes
- Kalabakan tiga (3) kes, peningkatan (+3) kes
- Lahad Datu empat (4) kes, peningkatan (+2) kes
- Kota Belud tiga (3) kes, peningkatan (+2) kes

b. Daerah yang kekal catatan mencatatkan kes sama

Satu (1) daerah yang mencatatkan kes baharu sebagaimana semalam (10 Julai 2021) iaitu:

- Papar lima (5) kes

c. Daerah yang mencatatkan penurunan kes

Sembilan (9) daerah yang mencatatkan penurunan kes berbanding semalam (10 Julai 2021) iaitu:

- Kota Kinabalu 61 kes, penurunan (-21) kes
- Tongod sifar (0) kes, penurunan (-19) kes
- Kudat (16) kes, penurunan (-12) kes
- Kota Marudu sifar (0) kes, penurunan (-9) kes
- Sipitang sifar (0) kes, penurunan (-8) kes
- Tuaran dua (2) kes, penurunan (-4) kes
- Kuala Penyu sifar (0) kes, penurunan (-2) kes
- Semporna sifar (0) kes, penurunan (-1) kes
- Kinabatangan sifar (0) kes, penurunan (-1) kes

d. Daerah yang mencatatkan Sifar (0) kes

12 daerah yang mencatatkan sifar (0) kes pada hari ini iaitu:

- Beluran
- Telupid
- Kinabatangan
- Kunak
- Semporna
- Tongod
- Kota Marudu
- Kuala Penyu
- Sipitang
- Tenom
- Nabawan
- Tambunan

- iii. Setakat ini, daerah Zon Hijau hanya tinggal dua (2) daerah dan dengan jumlah catatan sebanyak (145) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

iv. **Punca mempengaruhi bilangan kes COVID-19 hari ini**

Bilangan kes positif COVID-19 ini diperolehi melalui saringan berikut:

- 145 kes adalah daripada Saringan Kontak Rapat
- 69 kes adalah daripada Saringan Kluster
- 32 kes adalah daripada Saringan Bergejala
- 18 kes daripada Saringan Bersasar
- Tujuh (7) kes adalah daripada Saringan Lain-lain kes.

a) **Daerah Beaufort (70) kes berpunca daripada:**

- 10 kes daripada Saringan Kluster Lumadan
- 51 kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Sembilan (9) kes daripada Saringan Bergejala

b) **Daerah Kota Kinabalu (61) kes berpunca daripada:**

- Saringan Kluster (18) kes daripada empat (4) kluster iaitu Kluster Tembok Kota Kinabalu satu (1) kes, Kluster Agora Borneo (10) kes, Kluster Jalan Kayu Madang tiga (3) kes dan Kluster KKIP Empat Timur empat (4) kes.
- 26 kes adalah daripada Saringan Kontak Rapat
- 11 kes adalah daripada Saringan Bergejala
- Dua (2) kes daripada Saringan Bersasar
- Empat (4) kes kes daripada Saringan Lain-lain kes.

c) **Daerah Tawau (24) kes berpunca daripada:**

- 15 kes daripada Kluster Serudung Baru
- Empat (4) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Dua (2) kes daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Bersasar
- Dua (2) kes daripada Saringan Lain-lain kes

- d) **Daerah Putatan (19) kes berpunca daripada:**
- 16 kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Tiga (3) kes daripada Saringan Bersasar
- e) **Daerah Keningau (18) kes berpunca daripada:**
- 18 kes daripada Saringan Kluster Kayu Patikang
- f) **Daerah Sandakan (17) kes berpunca daripada:**
- Dua (2) kes daripada Saringan Kluster Istimewa Dua
 - 12 kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Tiga (3) kes daripada Saringan Bergejala
- g) **Daerah Kudat (16) kes berpunca daripada:**
- Tiga (3) kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala
 - 12 kes daripada Saringan Bersasar
- h) **Daerah Pitas (14) kes berpunca daripada:**
- 14 kes daripada Saringan Kontak Rapat
- i) **Daerah Penampang (12) kes berpunca daripada:**
- Dua (2) kes daripada Kluster Siasai Dundau
 - Tujuh (7) kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Tiga (3) kes daripada Saringan Bergejala
- j) **Daerah Papar lima (5) kes berpunca daripada:**
- Lima (5) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- k) **Daerah Lahad Datu empat (4) kes berpunca daripada:**
- Dua (2) kes daripada Saringan Kluster Sawit Segama
 - Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

- l) **Daerah Kalabakan tiga (3) kes berpunca daripada:**
 - Tiga (3) kes daripada Saringan Kontak Rapat

 - m) **Daerah Kota Belud tiga (3) kes berpunca daripada:**
 - Tiga (3) kes daripada Saringan Kontak Rapat

 - n) **Daerah Ranau tiga (3) kes berpunca daripada:**
 - Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Dua (2) kes daripada Saringan Bergejala

 - o) **Daerah Tuaran dua (2) kes berpunca daripada:**
 - Dua (2) kes daripada Saringan Kluster Jalan Kayu Madang
- v. Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Kayu Patikang - Keningau** merupakan penularan jangkitan di tempat kerja iaitu di sebuah kilang pemprosesan kayu balak di daerah Keningau, melibatkan Mukim Patikang dan Lingkudau. Kes indeks adalah kanak-kanak perempuan, 4, bukan warganegara yang dikesan melalui saringan bergejala di Hospital Keningau dengan keputusan RTK-Ag positif. Saringan kontak di lapangan mendapati 16 lagi kes dengan keputusan RTK-Antigen positif pada 10 Julai 2021. Pada tarikh sama, dua lagi kes positif RTK-Antigen dilaporkan oleh Pusat Kuarantin Sementara, IPG Keningau melalui saringan seumpama. Setakat hari ini, daripada 88 kontak yang disaring, terdapat 19 kes positif termasuk 18 kes baharu.

7 Jumlah kapasiti katil 4,285 unit

- Hospital 676 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,279 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 330 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 44.60%.

B FAKTOR MEMPENGARUHI PENINGKATAN KES POSITIF COVID-19 NEGERI SABAH HARI INI

1 Daerah yang mendominasi peningkatan kes pada hari ini ialah Beaufort (70) kes dan Kota Kinabalu (61) kes iaitu menyumbang 48.3 % daripada jumlah kes Negeri Sabah.

2 70 kes yang direkodkan di Beaufort adalah berpunca daripada Saringan Kontak Rapat sebanyak (51) kes, Saringan Kluster Lumadan (10) kes dan Saringan Bergejala sembilan (9) kes.

3 Daerah Kota Kinabalu merekodkan sejumlah (61) kes berbanding (82) kes semalam (10 Julai 2021) dengan penurunan (-21) kes, 61 kes yang direkodkan adalah hasil daripada Saringan Kontak Rapat (26) kes, Saringan Bergejala (11) kes Saringan Bersasar dua (2) kes dan Lain-lain Saringan satu (1) kes, manakala sebanyak (18) kes adalah daripada Saringan Kluster iaitu Kluster Agora Borneo (10) kes, Kluster KKIP Empat Timur empat (4) kes, Kluster Kayu Madang tiga (3) dan Kluster Tembok Kota Kinabalu satu (1) kes.

4 Selain itu, turut mempengaruhi jumlah kes pada hari ini ialah melalui Saringan Kontak Rapat yang merekodkan sejumlah (145) kes di seluruh Sabah.

C PELAKSANAAN PKPD BARU

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	2 Lokaliti di Beaufort, Sabah: <ul style="list-style-type: none">• Kampung Jempangah• Kampung Rancangan Klias	13 Julai 2021	26 Julai 2021
2.	Kampung Tebongon, Putatan, Sabah	13 Julai 2021	26 Julai 2021
3.	3 lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah: <ul style="list-style-type: none">• Jalan Pasir, Likas• Kampung Kuala Menggatal• Kuarters Tangki Air Biru, Telipok	13 Julai 2021	26 Julai 2021
4.	BorneoTimber, Tongod, Sabah	13 Julai 2021	26 Julai 2021

D PELANJUTAN PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Penjara Kepayan, Kota Kinabalu, Sabah	11 Julai 2021	Dilanjutkan bermula 12 Julai – 25 Julai 2021
2.	Kampung Nahaba, Kota Belud, Sabah	12 Julai 2021	Dilanjutkan bermula 13 Julai – 26 Julai 2021

E PENAMATAN PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kampung Penimbawan, Tuaran, Sabah	15 Jun 2021	Ditamatkan pada 12 Julai 2021.
2.	Kampung Linau, Kota Belud, Sabah	29 Jun 2021	Ditamatkan pada 12 Julai 2021.
3.	Kilang Sawit Bell (termasuk perumahankilang), Kinabatangan, Sabah	28 Jun 2021	Ditamatkan pada 11 Julai 2021 seperti yang dijadualkan

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **400** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 64,117 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 57,105 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **4,354** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 345,328 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **12,274** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 238,628 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah **5,830** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 939,380 (Mysejahtera 858,862 : Laman Web 80,214 : Talian Vaksinasi 304) bersamaan 34.1%.

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **321,530** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 115 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 37,448 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 59 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 65 hebahan melalui kereta peronda dan satu (1) tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 38 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Dua (2) Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
 - Lapan (8) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - 16 Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Tiga (3) Orang : Rentas Daerah/Negeri Tanpa Kebenaran
 - Dua (2) Orang : Keluar Rumah Tanpa Alasan Munasabah
 - Dua (2) Orang : Aktiviti Terlarang/Keluar Masuk Kawasan Pkpd
 - Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Menyediakan Laluan Keluar Masuk
 - Empat (4) Orang : Lain-Lain Kesalahan Tidak Tersenarai
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 105 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 25 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat dibawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002
- 4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,483 premis perniagaan dan penjaja telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Tiada notis dikeluarkan pada hari ini.

iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 89 premis perniagaan dan 311 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

- 5 Rondaan Ajen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 335 Premis Perniagaan melibatkan 190 anggota APM. Sebanyak tujuh 40 Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikuti SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 75 anggota di 97 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 13 premis, melibatkan lapan (8) buah daerah pada hari ini.
- 8 Sejumlah 365 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 170 hebahan di seluruh Sabah.

I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	96.5%
2	Tenom	96.5%
3	Sipitang	96.5%
4	Kunak	96.5%
5	Keningau	96%
6	Beluran	96%
7	Beaufort	96%
8	Papar	96%
9	Ranau	96%
10	Kinabatangan	96%
11	Tuaran	96%
12	Kota Marudu	95.5%
13	Penampang	95.5%
14	Tawau	95.5%
15	Sandakan	95.5%
16	Kudat	95%
17	Kota Belud	95%
18	Lahad Datu	95%
19	Kota Kinabalu	95%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MenangBersama

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**